



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45
Tarikh : 30 SEPTEMBER 2019

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI BANDAR (PEKB)

Alor Setar, 30 September 2019 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Konvensyen Pemerikasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) dan dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Kedah Dato' Seri Utama Mukhriz Bin Tun Mahathir di iringi YB Menteri Puan Hajah Zuraida Binti Kamarudin.

Konvensyen PEKB ini adalah untuk menggalakkan budaya keusahawanan dan perniagaan di kalangan peserta selain memberi motivasi lanjutan kepada para peserta yang masih berniaga untuk mengekalkan momentum dan kesungguhan dalam bidang perniagaan.

Konvensyen ini juga bertujuan memberi pendedahan dan inspirasi kepada peserta baru dalam sesi *knowledge sharing* oleh peserta yang lebih terbuka dan mewujudkan platform jaringan perniagaan kepada para peserta untuk memperkembangkan produk dan perkhidmatan, berkongsi idea sesama peserta di samping menjalinkan hubungan baik di antara KPKT, NGO dan para peserta Program Pemerikasaan Ekonomi Komuniti Bandar yang dahulu dikenali Program Azam Bandar.

Program Pemerikasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) merupakan program latihan keusahawanan yang melibatkan golongan berpendapatan 40% terendah (B40) supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan. Melalui program ini, peserta akan diberi latihan dan bantuan peralatan.

Peserta Program Pemerikasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) adalah individu yang berdaftar didalam sistem eKasih yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri . Nama peserta yang terpilih akan diberi kepada Badan Bukan Kerajaan yang dilantik oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk dilaksanakan proses pencarian dan bancian mengikut kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut :-

- Golongan berpendapatan 40% Terendah (B40);

- Ketua Isi Rumah/ Ahli Isi Rumah di antara 18-50 tahun (umur proaktif);
- Tidak uzur dan mampu bekerja untuk menyara keluarga;
- Tamat persekolahan;
- Berminat dan berazam untuk menjalani program yang ditentukan; dan
- Berdaftar/ disahkan status kemiskinan dalam eKasih.

Sasaran KPI kepada peserta pada tahun ini ialah peserta perlu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM600.00 sebulan bagi yang tidak mempunyai pendapatan sebelum ini atau peningkatan pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal peserta sebelum mengikuti kursus, sebanyak 3 kali dalam tempoh 6 bulan pemantauan. Sehingga kini, 62% iaitu lebih kurang 662 orang daripada 1,080 orang peserta telah berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan kementerian.

Seramai tiga orang peserta telah terpilih bagi memenangi Anugerah Peserta Terbaik 2018. Anugerah tersebut diberikan kepada peserta yang telah memperlihatkan kejayaan khususnya dalam peningkatan pendapatan sepanjang mengusahakan perniagaan mereka.

Empat produk peserta juga turut dilancarkan dalam konvensyen ini. Produk tersebut adalah seperti berikut :-

- I) Roma Keropok Lekor Crispy & Sata Frozen
- II) Nasi Lemak Kuning Kak Tun
- III) Handmade Bag
- IV) Pertukangan Kayu dan Kraftangan

Konvensyen juga turut melibatkan pameran produk/perkhidmatan peserta mengikut kursus yang disertai.

 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Telefon : 03-8891 5555
 Faks : 03-8891 5557
 E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my